

Jangan terus aniaya pengguna

WALAU PUN baru memasuki minggu kedua bulan Ramadan sudah mula kedengaran isu kenaikan pelbagai harga barangan. Antaranya rungutan kenaikan harga barang-barang basah seperti ikan, ayam dan sayur-sayuran di Pasar Pudu, Kuala Lumpur yang dikatakan sudah mula naik secara mendadak.

Malah dilaporkan pada hari pertama bulan Ramadan pun sudah menyaksikan kenaikan harga ayam yang cukup drastik iaitu sehingga RM2 sekilogram di sekitar Shah Alam, Selangor.

Ini ditambah pula dengan isu kenaikan harga juadah di bazar Ramadan di seluruh negara sehingga dilaporkan lebih 200 aduan sudah diterima oleh Persatuan Perlindungan Pengguna Malaysia (PPPM).

Ironinya, ini adalah skrip yang sudah terlalu sinonim dengan kita. Setiap kali menjelang musim perayaan yang besar seperti bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri harga barangan akan meningkat secara mendadak. Akibat daripada kenaikan harga barangan basah pula menyebabkan peniaga juadah di bazar Ramadan terpaksa menaikkan harga jualan masing-masing.

Jelas perkara ini masih berterusan walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Namun sehingga ini apa yang pasti pengguna terus menjadi mangsa rakus pemborong dan peniaga yang tamak dan mengambil kesempatan. Ini menyebabkan kos sara hidup rakyat semakin tidak menentu dan membebankan.

Pihak berkuasa telah pun membuat macam-macam kaedah dan pendekatan termasuk memperkenalkan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan serta paman-tauan dan penguatkuasaan.

Ramai juga pemborong dan peniaga yang degil diheret ke muka pengadilan namun realitinya kenaikan harga barangan tetap terus berlaku dan berterusan hingga kini. Ini menyebabkan kehidupan rakyat semakin terhimpit kerana kebanyakan barangan yang naik harga itu adalah barangan keperluan asas mahupun harian di mana pengguna tiada banyak pilihan melainkan terpaksa beli juga.

Misalnya, ayam adalah antara item yang sering mengalami ketidaktentuan harga jualan terutamanya menjelang musim perayaan. Secara umumnya ayam



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

adalah antara juadah utama baik ketika berbuka puasa mahupun pada setiap musim perayaan besar seperti Aidilfitri. Maka secara logiknya permintaan terhadap bekalan ayam akan terus meningkat naik secara drastik terutamanya beberapa hari menjelang sambutan Aidilfitri.

Ini menyebabkan pihak pembekal dan peniaga terus mengambil kesempatan untuk menaikkan harga bekalan ayam sesuka hati walaupun pihak kerajaan sentiasa menetapkan harga siling.

Rumusan awal yang boleh dibuat ialah harga ayam mengalami proses peningkatan harga sebanyak tiga kali iaitu pada peringkat permulaan dan pertengahan Ramadan serta pada minggu terakhir menjelang Aidilfitri. Dan apa yang pasti semua ini perlu ditanggung sepenuhnya pengguna.

Seperti biasa antara alasan yang paling klise yang sering diberikan oleh peniaga adalah pembekal serta pemborong telah menaikkan harga bekalan maka mereka tiada pilihan kecuali terpaksa menaikkan harga jualan untuk mendapatkan keuntungan. Alasan ini sememangnya kelihatan cukup rasional kecuali sege-lintir peniaga yang tamak dan rakus sekali gus meletakkan harga jualan yang melampau untuk meraih keuntungan berganda.

Hakikatnya, isu kenaikan harga barangan seperti ini bukanlah suatu isu baharu di negara kita. Satu perkara yang perlu diteliti betul-betul adalah walaupun pihak kerajaan secara berterusan cuba mengawal harga dengan menetapkan harga siling di samping pihak penguat kuasa terus melakukan serbuan dan penguatkuasaan terhadap peniaga yang degil kenapa masalah ini terus berlaku dan membebankan pengguna? Realitinya, walau apapun kerajaan buat selama ini harga barangan tetap naik dan pengguna dipaksa bayar dengan harga yang tinggi.

Penulis percaya pengguna zaman sekarang semakin bijak. Mereka akan mencari barangan lain jika ada alternatif dan dijual pada harga yang lebih berpatutan tetapi realitinya tidak ada banyak



HARAPAN pengguna hanyalah satu iaitu mahukan pihak kerajaan lebih tegas dan mengawal harga barangan pada setiap rantaian bekalan iaitu bermula daripada pembekal dan pemborong hinggalah kepada peniaga akhir. - GAMBAR HIASAN

pilihan seperti itu.

Syor seperti memboikot sesuatu barangan atau peniaga juga boleh dikatakan semakin tidak relevan kerana pengguna sudah tidak ada banyak pilihan. Macam mana hendak boikot kalau hampir semua peniaga mengenakan harga yang sama?

Justeru dalam konteks ini, kerajaan sekali lagi perlu masuk campur untuk menstabilkan harga barangan bukan saja ketika musim perayaan tetapi sepanjang masa.

Jelas tindakan penguatkuasaan dan serbuan semata-mata belum memberikan kesan diharapkan. Dan andai kaedah pengawalan harga ataupun penetapan harga siling jualan kepada peniaga yang dilakukan selama ini juga dilihat belum mampu memberikan kesan yang baik maka kita perlu menukar kaedah dan metodologi strategi kawalan kita.

Beri perhatian kepada rungutan peniaga yang mengatakan punca kenaikan harga jualan adalah disebabkan oleh tindakan pembekal dan pemborong yang terus memanipulasikan harga bekalan barangan. Apa tindakan terhadap kelompok pembekal dan pemborong ini? Dan sejauh mana tindakan itu efektif dan berkesan?

Andai tindakan terhadap pembekal berkesan sudah pasti harga barangan pada ketika ini akan

berada dalam kawalan tetapi ini tidak berlaku sekali gus membuktikan kawalan terhadap pembekal masih lemah. Maka timbul persoalan apakah selama ini strategi kawalan harga yang diamalkan kurang tepat di mana kita terlalu fokus kepada peniaga sehingga terlepas pandang kawalan terhadap pembekal? Atau apakah pembekal dan pemborong terlalu kebal sehingga pihak berkuasa pun tidak mampu untuk mengawal mereka?

Apapun jawapannya harapan pengguna hanyalah satu iaitu mahukan pihak kerajaan lebih tegas dan mengawal harga barangan pada setiap rantaian bekalan iaitu bermula dari pembekal dan pemborong hinggalah ke peniaga akhir. Perkara ini tidak mustahil untuk dilakukan.

Untuk itu, kita mahu Kementerian yang terlibat segera menetapkan mekanisme yang sesuai yang lebih efektif dan proaktif supaya dapat mengawal keseluruhan rantaian bekalan barangan dan bukannya di peringkat peniaga akhir semata-mata.

Tidak lama lagi kita akan menyambut Aidilfitri dan jangan biarkan pembekal, pemborong dan peniaga terus mencekik darah dan bermaharajalela menindas dan menzalimi pengguna.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.